

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13/04/2008

# Dr. M akan berhenti bercakap bila....

UM - 13/4/2008

**MINGGUAN:** Dalam situasi sekarang bagaimana Tan Sri melihat kesan daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Dr. Mahathir?

**MUHYIDDIN:** Saya mempunyai penghormatan yang tinggi kepada Tun kerana saya tidak pernah melupakan jasa beliau kepada saya. Beliaulah yang melantik saya memegang jawatan dalam parti dan melaluinya saya mendapat jawatan dalam kerajaan.

Apa pun orang kata tentang Tun kita tidak boleh melupakan jasanya. Cuma mungkin beliau melihat situasi seperti mana saya katakan.

Tentu Tun pun peka dan sudah tentu beliau pun hendak bersuara. Ini bukannya pertama kali beliau bersuara, sudah bertahun-tahun.

Sebagai seorang tokoh pejuang Melayu dalam negara kita, beliau peka dengan apa yang berlaku dan mungkin

beliau cukup bimbang melihat keadaan begini. Sebab itu beliau lebih terbuka untuk mengkritik, walaupun orang kata tidak sepatutnya beliau begitu kerana boleh menimbulkan masalah dalam UMNO.

Tetapi biarlah Tun mengeluarkan pandangannya, walaupun kadang-kadang kritiknya terlalu tajam sehingga ada orang mengatakan ia menjadi salah satu sebab kekalahan BN.

Namun saya tidak mahu menyatakan begitu kerana beliau agak terpanggil untuk berbuat sesuatu kerana Tun pernah memimpin parti.

Beliau tidak mahu parti ini hanyut maka beliau fikir Presiden parti harus bertanggungjawab, kita tidak perlu menyebelahi beliau atau tidak, kita mendengar pandangannya. Mungkin ada hikmah daripada apa yang beliau katakan untuk kita berfikir.

Walaupun ada orang marah dia tetapi ada juga orang menyokongnya. Semasa saya pergi ke Kedah, bukan main kuat menyatakan kenapa kita hendak mengkritik Tun.

Mereka kata empat kawasan Parlimen di Kedah yang dimenangi oleh BN, semuanya Tun pernah berperanan penting iaitu Langkawi, Jerlun, Kubang Pasu dan Alor Star.

Saya tidak tahu bahawa mereka mempunyai kaitan yang begitu kuat kerana Kedah adalah negeri asal Tun.

Mungkin Tun sebagai orang lama melihat "negeri aku pun sudah kalah."

Oleh itu, bagi saya biarlah, kalau hendak diketemukan Tun dengan Pak Lah pun tergamam kedua-dua nak bercakap, pernah dulu mereka bertemu tetapi pertemuan itu tidak membawa apa-apa hasil pun.

Malahan ia tidak menutup mulut Tun untuk tidak berkata apa-apa. Kadang-kadang kritikan beliau tajam

dan kita tidak seronok nak dengar tetapi kita nak cakap macam mana?

Agak sayalah, bila Tun mula melihat sudah ada perubahan berlaku, saya rasa beliau akan berhenti. Tun ada satu tujuan sahaja, tidak perlulah saya sebut apa tujuan itu, tetapi kalau beliau lihat ada satu inisiatif untuk menyelesaikan masalah yang beliau fikir agak sesuai dilakukan, rasanya beliau tidak akan mengkritik lagi.

Saya tidak mahu menyokong sesiapa, tetapi saya mahu mengambil pandangan rasional iaitu beliau ada hak untuk bersuara biarpun kadang-kadang pedih dan pahit.

Kalau kita dalam situasi di mana kapal kita hendak tenggelam, apabila *Titanic* kita sudah mula menjunam sedangkan kita tidak berbuat apa-apa, saya tidak tahulah macam mana.